

# Persepsi Siswi Terhadap Faktor-Faktor Yang Memainkan Peranan Untuk Mendirikan Rumah Tangga: Satu Tinjauan di Fakulti Pendidikan

Saudari Sansabil Binti Hj Ismail

Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor  
Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai Johor

Dr. Mohamed Sharif Bin Mustaffa  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai Johor  
mohamed\_shariffutm@yahoo.com

**Abstrak:** Peningkatan kadar gejala sosial di kalangan remaja di Malaysia dari tahun ke tahun telah menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat terutamanya golongan yang bergelar ibu bapa yang mempunyai anak remaja. Tambah membimbangkan lagi, apabila sebahagian remaja yang terlibat dalam kancah gejala sosial seperti penagihan najis dadah, merokok, mencuri, berkhawat, seks bebas luar nikah dan pelacuran adalah mereka yang masih di alam persekolahan dan yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi (IPT). Sehubungan dengan ini, suatu kajian mengenai tajuk “Persepsi Siswi terhadap Faktor-Faktor Yang Memainkan Peranan Untuk Mendirikan Rumah Tangga. Satu Tinjauan Di Fakulti Pendidikan” telah dilaksanakan bagi mencari pendekatan yang boleh menyumbang ke arah mengurangkan keterlibatan remaja dalam kancah gejala sosial khusus yang berkaitan dengan masalah seksual seperti berkhawat, seks luar nikah (zina), hamil luar nikah, pembuangan bayi dan pelacuran. Kajian ini meninjau persepsi pelajar wanita terhadap faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam mendorong mereka mendirikan rumahtangga. Persoalan kajian yang difokuskan ialah faktor ibu bapa, ekonomi, agama dan kemahiran keibubapaan dalam mendirikan rumahtangga. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar wanita kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Jentera (SPJ), Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik (SPE), Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Awam (SPA), serta Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH) Tahun Tiga di Fakulti Pendidikan. Seramai 50 orang siswi telah dipilih dari keempat-empat kursus ini. Kajian telah menggunakan instrument soal selidik dan menggunakan kaedah analisis SPSS (Statistical Package For Science Social) bagi mendapatkan kekerapan dan min. Dari analisis data, telah menunjukkan bahawa faktor ibubapa dan status ekonomi merupakan faktor utama dalam mendorong pelajar remaja wanita mendirikan rumahtangga, manakala faktor agama dan kemahiran keibubapaan berada pada tahap sederhana. Pengkaji di akhir kajian ini telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan yang difikirkan sesuai kepada pihak tertentu seperti para remaja wanita, pihak UTM dan Jabatan Agama Islam berkaitan tajuk yang dikaji.

**Katakunci:** Gejala sosial, pelajar wanita.

## 1.0 Pengenalan

Perkahwinan adalah suatu ikatan yang teguh di antara lelaki dengan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk menjalani kehidupan berumahtangga sebagai suami dan isteri. Perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam bertujuan untuk mengembangkan zuriat manusia melalui cara yang halal sebagai penyambung keturunan untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Di dalam Islam, perkahwinan adalah suatu ibadat dan Sunnah Rasulullah S.A.W. yang merupakan perlaksanaan terhadap tuntutan

fitrah manusia. Orang yang berkahwin akan dapat mengatur suatu kehidupan yang baik, sempurna, dan penuh dengan tanggungjawab.

Perkahwinan merupakan suatu Sunnah Rasulullah S.A.W. untuk mengatasi masalah sosial dalam masyarakat, mewujudkan perpaduan di kalangan umat Islam bagi melahirkan generasi yang soleh dan solehah.

Firman Allah S.W.T.

*"Maha suci Allah yang menjadikan kejadian semua berpasangan dari sesuatu yang tumbuh di bumi, dari mereka (manusia) dan dari sesuatu yang mereka tiada mengetahui."*

( Surah Yaasin: 36)

Setiap yang dijadikan oleh Allah S.W.T. mempunyai pasangannya sepertimana kejadian langit dan bumi yang telah membuktikan kebenaran dan kesahihan ayat di atas. Keadaan tanah di muka bumi tidak sama rata semuanya, maka dijadikan ia berpasangan di antara tinggi dan juga rendah. Di suatu kawasan yang penuh dengan tumbuhan menghijau, di kawasan yang lain pula berpadang pasir. Daratan berpasangan dengan lautan. Pokok-pokok yang meliputi bumi ini ada yang jantan mahupun yang betina. Kemudian Allah S.W.T. menjadikan pula malam yang berpasangan dengan siang meliputi alam ini. Demikian juga dengan manusia yang diciptakan oleh Allah itu turut berpasangan di antara lelaki dengan perempuan.

Sekiranya diteliti akan hikmah Allah S.W.T itu menjadikan pelbagai jenis kejadian dalam keadaan berpasangan, sudah tentu kita akan memahami bahawa tidak akan sempurna setiap kejadian sekiranya hanya wujud satu keadaan sahaja seperti sentiasa berkeadaan malam, bumi berkeadaan pamah, semuanya berpadang pasir, manusia semuanya lelaki atau semuanya perempuan. Keadaan dunia seperti ini pasti akan membosankan malah setiap kejadian ini tidak melahirkan keturunan. Manusia akan pupus dalam jangka waktu yang singkat. Namun, dengan terciptanya pasangan, kehidupan akan lebih indah, dunia pula kelihatan ceria sekaligus membuktikan setiap kejadian Allah

S.W.T. itu sangat indah.

Perkahwinan merupakan satu perkongsian hidup di antara lelaki dengan perempuan. Hal ini kerana kedua-duanya saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Bukan hanya manusia yang memerlukan pasangan untuk hidup, tetapi semua makhluk ciptaan Allah S.W.T. juga begitu. Apabila melalui gerbang perkahwinan dan memasuki alam rumahtangga, seseorang itu sewajarnya mengetahui beberapa aspek utama seperti bagaimana dan mengapa ia mengambil keputusan untuk berumahtangga. Faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum seseorang itu berkahwin adalah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran menguruskan rumahtangga, penjana ekonomi yang kukuh, pengetahuan agama yang secukupnya, keperluan untuk mengekalkan kebahagiaan rumahtangga termasuk tempat tinggal, makanan, dan sebagainya bagi menjadikan alam berumahtangga yang bahagia dan harmoni. Ini penting kerana mendirikan rumahtangga bukanlah sesuatu yang boleh ditempuhi tanpa mengetahui atau memiliki keupayaan dan keperluan dalam sesebuah perkahwinan.

## **2.0 Latar Belakang Masalah**

Perkahwinan boleh diklasifikasikan sebagai suatu tuntutan dan keperluan dalam kehidupan setiap individu. Hal ini kerana setiap manusia menginginkan kehidupan yang sempurna dalam menjalani kehidupannya. Perkahwinan sememangnya banyak memberi impak yang positif kepada individu yang mendirikan rumahtangga. Gejala kurang sihat seperti zina, pelacuran dan sebagainya dapat dielakkan dengan melalui proses perkahwinan. Berkahwin ini juga dapat menambahkan lagi bilangan umat manusia di dunia ini selain ia menjadi impian setiap yang sudah mempunyai keluarga sendiri untuk mempunyai keturunan mereka sendiri. Sesungguhnya hanya dengan berkahwin setiap individu itu dapat mengembangkan keturunan yang sah di sisi agama dan nilai kesucian kehidupan seseorang.

Memetik satu soalan dalam bahagian “Soal jawab agama bersama Dr. Amran Kasimin” Mingguan Malaysia 1 April 2001. Seorang wanita yang masih belajar di sebuah institut pengajian tinggi swasta telah menjalin hubungan dengan seorang lelaki 12 tahun lebih tua daripadanya dan telah terlanjur melakukan zina. Ini merupakan salah satu contoh membabitkan wanita yang masih belajar. Jawapan yang diberikan oleh Dr. Amran Kasimin:

“Dan adalah Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Kerana itu atas alasan ini jalan yang saudara mesti lakukan ialah bertaubat.

Langkah kedua ialah berkahwin. Masalah sedang belajar memang penghalang, tetapi bagi orang yang tidak dapat menahan nafsunya, orang yang takut terlibat dengan zina, termasuk orang seperti saudara, yang berzina setiap kali bertemu, menurut hukum fikah, bernikah itu wajib hukumnya. Wajib bererti dosa kalau tidak melakukannya. Tidak salah pelajar di IPTS berkahwin. Itu lebih baik daripada terus-menerus belajar, menunggu dua tahun lagi tetapi setiap kali bertemu akan melakukan zina”.

Sementara itu kajian yang telah dibuat oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang disiarkan oleh Utusan Malaysia, 3 September 1996 menyebut, di mana didapati 24 peratus di kalangan remaja berusia 13-19 tahun telah mengaku pernah melakukan hubungan seks manakala 80 peratus dari remaja berusia 13-18 telah terdedah kepada bahan-bahan lucah termasuk lebih kurang 50 peratus di kalangan remaja 13-15 tahun mengaku membaca buku lucah dan 44 peratus pernah melihat bahan lucah seperti majalah dan video.

Dr. Mariani Md. Noor daripada Jabatan Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaya melalui kajiannya yang disiarkan Harian Metro, 7 Februari 2005 bertajuk “Punca Perlakuan Psikologi Seks Bebas di Kalangan Remaja” mendapati pelajar awal remaja berusia 12 hingga 15 tahun menggunakan seks bebas sebagai alasan untuk berseronok dan melepaskan tekanan perasaan ekoran terlalu banyak tegahan daripada ibu bapa. Dr. Mariani berkata, faktor persekitaran yang mendorong remaja melakukan seks bebas. Contohnya lambakan VCD lucah, yang sudah jelas terbukti dengan kejayaan Polis Johor

Baharu Selatan merampas sebanyak 6,500 keping video cakera padat (VCD) berharga RM 50,000 di dalam operasi selama tiga hari berturut-turut di Johor Bahru.

Daripada statistik yang diperolehi, gejala sosial di kalangan remaja adalah semakin meruncing. Oleh itu salah satu usaha yang difikir perlu dilakukan ialah usaha menggalakkan muda-mudi atau remaja yang mempunyai kesanggupan berumah tangga supaya berkahwin. Apa yang penting ialah pantauan dan bimbingan yang berterusan perlu dilakukan bagi menjamin keluarga muda yang dibina dapat bertahan.

### **3.0 Pernyataan Masalah**

Perkahwinan yang bahagia merupakan idaman setiap pasangan yang mendirikan rumahtangga. Tiada seorang pun menginginkan perkahwinan yang dibinanya menghadapi kegagalan. Walau bagaimanapun, suratan takdir tidak mampu dielakkan. Namun begitu, sekiranya setiap pasangan itu mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing, sudah pasti setiap yang buruk akan dapat dielakkan.

Menurut Siti Fatimah Abd Rahman, dalam Utusan Malaysia 19 Julai 2003, setiap tahun dianggarkan sebanyak 150,000 pasangan muda telah mendirikan rumahtangga. Namun begitu, statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menunjukkan dari tahun 1990 hingga 2001, sebanyak 144,137 kes perceraian telah dilaporkan. Ini bermakna, secara puratanya didapati lebih kurang 12,000 kes perceraian telah berlaku dalam setahun. Statistik ini hanya merujuk kepada pasangan Islam sahaja dan tidak kepada pasangan dari agama-agama lain. Fenomena perpisahan atau perceraian yang berlaku masa kini amat menggerunkan. Ini mungkin disebabkan kekurangan pengetahuan dan pegangan agama yang sewajarnya oleh setiap pasangan dalam mengetahui peranan masing-masing semasa menjalani kehidupan berumahtangga. Kelonggaran status ekonomi juga boleh mengakibatkan berlakunya perceraian. Faktor ini dikukuhkan lagi dengan fakta yang fenomena isteri yang bekerjaya manakala suami pula sebaliknya. Keadaan ini boleh mendorong kepada berlakunya konflik yang akhirnya akan menyebabkan perceraian sekiranya ia diabaikan dari ditangani dengan segera. Secara

tidak langsung senario ini akan menambah burukan lagi persepsi para muda-mudi dan remaja terhadap kehidupan berumah tangga sebagai satu jalan keluar mengatasi kemelut sosial dari segi seksual dan pergaulan bebas.

Sehubungan dengan itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi mahasiswi terhadap faktor-faktor yang memainkan peranan utama untuk mendirikan rumahtangga seperti faktor ibubapa, ekonomi, pengetahuan agama dan juga faktor pengetahuan keibubapaan di kalangan responden yang terlibat.

#### **4.0 Persoalan Kajian**

- i. Sejauhmanakah faktor ibu bapa memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi?
- ii. Sejauhmanakah faktor ekonomi memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi?
- iii. Sejauhmanakah faktor pengetahuan agama memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi?
- iv. Sejauhmanakah faktor kemahiran keibubapaan memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi?

#### **5.0 Objektif kajian**

- i. Mengenalpasti sejauhmanakah faktor ibu bapa memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi.
- ii. Mengenalpasti sejauhmanakah faktor ekonomi memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi.
- iii. Mengenalpasti sejauhmanakah pengetahuan agama memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga.
- iv. Mengenalpasti sejauhmanakah kemahiran keibubapaan memainkan peranan bagi mendirikan rumahtangga di kalangan mahasiswi.

## **6.0 Metodologi**

### **6.1 Reka bentuk kajian**

Kajian yang dibuat adalah berbentuk deskriptif. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor yang memainkan peranan bagi mendorong mahasiswi mendirikan rumah tangga. Penyelidik ingin mengkaji sama ada ia adalah berpunca dari peranan ibu bapa, ekonomi, pengetahuan agama atau kemahiran keibubapaan. Kajian ini adalah secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik berdasarkan objektif kajian.

### **6.2 Sampel dan Populasi**

Pengkaji telah menghadkan populasi kepada mahasiswi Tahun Tiga sesi 2004/2005 iaitu dalam kursus Ijazah sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Jentera), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Elektrik). Mereka adalah mahasiswi-mahasiswi yang sedang belajar di UTM, Skudai. Menurut Mohd Najib (1999), semua ahli dalam kelompok ini dipanggil populasi. Sampel kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah 50 orang mahasiswi UTM,

## **7.0 Dapatan Kajian**

### **7.1 Rumusan Dapatan Kajian Bahagian A**

Bahagian ini melibatkan maklumat peribadi responden, sampel yang diambil untuk dijadikan kajian adalah terdiri daripada mahasiswi tahun tiga lulusan diploma, fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Seramai 50 orang mahasiswi yang

terdiri daripada empat kursus iaitu SPJ dan SPE adalah seramai 8 orang, SPA seramai 13 orang responden dan SPH seramai 21 orang responden. Dari maklumat berkaitan dengan umur responden, didapati para responden yang berumur 23 tahun adalah yang paling ramai iaitu seramai 30 orang iaitu bersamaan dengan 64 %. Hanya seorang responden yang berusia 22 tahun dan 30 tahun yang terlibat di dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa responden pengkaji terdiri daripada pelbagai lapisan umur.

Bagi kajian tempat asal responden pula, responden yang berasal dari negeri Johor adalah yang paling ramai iaitu seramai 10 orang iaitu bersamaan 20 % dan dari negeri Kedah dan Kelantan adalah seramai 9 orang iaitu bersamaan dengan 18 %. Selain negeri-negeri tersebut, kebanyakan responden berasal dari serata negeri seperti Selangor, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Melaka, Kuala Lumpur, Perlis dan juga Terengganu. Ini menunjukkan bahawa responden tidak tertumpu pada satu negeri sahaja.

Bagi latar belakang pendidikan agama pula, seramai 21 orang responden pernah memasuki kelas fardu ain iaitu bersamaan 42 % dan hanya 2 orang responden yang tidak pernah mengikuti mana-mana kelas tambahan agama. Ini boleh dijadikan faktor bahawa responden mempunyai pengetahuan agama yang lebih selain dari belajar di sekolah harian.

Dari maklumat yang diperolehi pengkaji, didapati kebanyakan bapa responden adalah bekerja sendiri iaitu sebanyak 25 orang iaitu bersamaan dengan 50 %. Selain itu, sebanyak 12 orang bapa responden tidak mempunyai pekerjaan dan 8 orang yang lain bekerja di agensi kerajaan, manakala 5 orang bapa responden yang lain bekerja dengan agensi swasta. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan bapa responden merupakan golongan mereka yang bekerja sendiri ataupun mempunyai perniagaan sendiri. Ia juga boleh dilihat sebagai faktor yang positif kerana apabila bapa bekerja sendiri atau telah bersara maka mereka dapat meluangkan masa yang lebih bersama-sama dengan keluarga.

Dari kajian yang dilakukan, didapati kebanyakan ibu responden adalah suri rumah tangga sepenuh masa iaitu 40 orang bersamaan dengan 80 %, hanya 3 responden yang mana ibu mereka tiada pekerjaan ataupun telah meninggal dunia dan 7 orang ibu responden yang bekerja dengan agensi kerajaan. Ini menunjukkan apabila ibu menjadi suri rumah, maka proses pendidikan dan pembelajaran akan lebih diberi perhatian kepada nak-anak terutama kepada anak perempuan untuk dididik menjadi seorang wanita, isteri dan ibu yang baik.

Bagi bilangan keluarga pula, didapati kebanyakan responden merupakan anak yang ke tiga iaitu seramai 13 orang iaitu bersamaan dengan 26 % diikuti dengan anak pertama seramai 11 orang bersamaan 22 % dan hanya seorang responden adalah anak yang ke dua belas. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai abang atau kakak yang dapat dijadikan contoh dalam hal berumah tangga. Namun begitu, bagi anak pertama, mereka memerlukan pengetahuan yang lebih tentang perkahwinan dari ibu bapa mereka sendiri, pembaca atau perkongsian maklumat dengan rakan-rakan dan saudara mara.

## **7.2 Dapatan kajian Bahagian B**

Berdasarkan perolehan dari analisis data terhadap persoalan kajian terhadap faktor-faktor seperti peranan ibubapa, faktor ekonomi, pengetahuan agama dan kemahiran keibubapaan adalah seperti berikut:

### **7.2.1 Peranan Ibubapa**

Pengkaji mendapati peranan ibubapa adalah penting dalam mendidik anak-anak dan menggalakkan mereka ke alam berumahtangga. Analisis menunjukkan sebanyak 42 orang responden berada pada tahap setuju yang mewakili 84%. Manakala pada tahap kurang setuju dicatatkan sebanyak 6

orang iaitu sebanyak 12%. 2 orang telah mewakili tidak setuju iaitu sebanyak 4%. Purata min bagi keseluruhan persoalan kajian tentang peranan ibubapa adalah 4.31. dapatan inidiperkukuhkan kenyataan yang dibuat responden, di mana 100% responden bersetuju perlu mendapatkan persetujuan atau restu ibu bapa sebelum berkahwin.

### **7.2.2 Faktor Ekonomi**

Min bagi faktor ekonomi berjumlah 3.73. Di mana secara keseluruhannya responden rata-rata bersetuju bahawa mereka yang hendak berumah tangga mestilah mempunyai kedudukan keewangan yang kukuh. Sebagai contoh bagi item 4 bahagian ini mendapati seramai 60% responden bersetuju “ saya akan mencari pasangan yang mempunyai kedudukan keewangan yang kukuh untuk berkahwin ” dan seramai 34 responden iaitu 60% menyatakan tidak akan berkahwin dengan pasangan yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Dapatan ini perkukuhkan lagi apabila hanya 27% responden bersetuju jika pasangan mereka mempunyai pendapatan yang rendah. Kesemua hasil dapatan bagi item faktor ekonomi ini sokong oleh kajian yang dilakukan oleh Muhd Hafizuddin ( 2003 ) yang mendapati persedian dari sudut ekonomi oleh pihak lelaki adalah sangat perlu.

### **7.2.3 Faktor Pengetahuan Agama**

Min keseluruhan bagi item ini ialah 3.59. Bagi item “ ilmu pengetahuan perlu dipelajari sebelum berkahwin ” seramai 100% responden bersetuju mereka yang hendak berkahwin perlu mempelajari ilmu agama terlebih dahulu. Dapatan ini diperkukuhkan lagi apabila 96% responden mengatakan mereka akan pastikan diri dan pasangan mereka perlu

mempunyai pengetahuan agama secukupnya sebelum berumah tangga. Walau bagaimanapun 50 % responden berpendapat dan bersetuju bahawa pengetahuan agama hanya perlu pada masa-masa tertentu sahaja. Hanya 2% responden sahaja yang bersetuju pasangan mereka tidak mempunyai pengetahuan agama. Hasil dapatan ini disokong oleh sepotong ayat al – Quran yang bermaksud:

*“Dan perintahkanlah keluargamu mendirikan sembahyang dan hendaklah engkau bersabar mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan akibat( pahla di akhirat kelak ) bagi orang-orang bertakwa”*

( Surah Thaha : ayat 132 )

#### **7.2.4 Faktor Kemahiran Keibubapaan.**

Secara keseluruhannya purata min bagi persoalan kajian bagi faktor ini adalah 3.54. Bagi soalan item 1 dalam bahagian ini seramai 47 orang responden bersetuju kemahiran berumah tangga perlu dipelajari sebelum mendirikan rumah tangga. Hanya 3 % dari responden bersetuju kemahiran berumah tangga ini boleh dipelajari selepas berumah tangga. Sementara itu seramai 40 orang dari responden mengatakan mereka akan memastikan pasangan mereka mempunyai ilmu keibubapaan sebelum berkahwin. Pendirian ini dikukuhkan lagi apabila 48 orang responden berpendapat kemahiran keibubapaan perlu untuk menjamin kebahagiaan rumah tangga yang dibina.

### **8.0 Cadangan**

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini, dikemukakan beberapa cadangan dan saranan supaya ia boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak terbabit untuk menilai kembali faktor yang mempengaruhi untuk mendirikan rumah tangga iaitu faktor peranan ibu bapa, faktor ekonomi, pengetahuan agama dan kemahiran keibubapaan. Merujuk kepada dapatan kajian, secara keseluruhannya pernyataan kajian berada dalam tahap baik dan sederhana.

Cadangan yang diberikan bertujuan supaya dapat membuahkan sebuah rumah tangga yang kekal dan bahagia. Cadangan yang akan disarankan adalah seperti berikut:

**i. Memberi pendedahan awal kepada mahasiswi tentang pentingnya institusi perkahwinan.**

Pengkaji mencadangkan agar diberikan pendedahan awal kepada mereka tentang pentingnya perkahwinan dan institusi kekeluargaan. Ini adalah seperti memasukkan satu mata pelajaran berkaitan iaitu dalam pengajaran secara langsung di institusi pengajian tinggi agar dapat mengurangkan masalah sosial yang dihadapi dewasa kini. Selain itu, pengkaji mencadangkan supaya mereka dapat memperdalam dengan lebih mendalam tentang ilmu perkahwinan supaya apabila telah berkahwin, institusi keluarga yang dibina akan tetap teguh.

**ii. Memperbanyakkan ceramah dan kesedaran kepada para mahasiswa dan mahasiswi oleh pihak UTM.**

Pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak UTM iaitu HEP atau Unit Kaunseling Keluarga supaya diadakan ceramah mengenai kepentingan perkahwinan dan modul keluarga bahagia bagi menggalakkan mereka berkahwin di samping menangani masalah rumah tangga yang bakal dihadapi suatu mana nanti. Selain itu, pengkaji juga berharap pihak tertentu berkaitan remaja dan pusat - pusat pengajian dapat mengadakan kursus tentang perkahwinan sebelum mereka berkahwin supaya mahasiswi yang dikeluarkan tidak hanya berkebolehan berdasarkan bidang yang diikuti tetapi perkara yang berkaitan dengan kehidupan.

### **Cadangan Lanjutan**

- i. Kajian yang dilakukan hanya menggunakan responden perempuan, maka dengan itu ia boleh diperluaskan dengan menggunakan responden yang lebih ramai lagi yang melibatkan lelaki dan perempuan.
- ii. Kajian ini hanya dilakukan di fakulti Pendidikan berdasarkan kursus SPA, SPJ, SPE dan SPH Tahun Tiga. Ia boleh diperbesarkan lagi kepada seluruh mahasiswa Fakulti Pendidikan atau fakulti-fakulti yang lain.
- iii. Kajian yang dilakukan hanya tertumpu pada faktor-faktor sebelum berumah tangga, ia dapat dibesarkan skopnya kepada faktor-faktor selepas berumah tangga juga.
- iv. Bagi mendapatkan hasil yang lebih baik, jumlah responden hendaklah lebih banyak dan dipelbagaikan agama.
- v. Kajian yang dilakukan ini adalah menggunakan kaedah soal selidik, diharap kajian yang akan datang menggunakan kaedah temu bual supaya responden dapat memberikan pendapatannya dengan lebih tepat dan benar

## **Bibliografi**

Dato' Dr. Mohd Fadzilah Kamsah dan Noralina Omar ( 2004 ). *Soal jawab Pra-Perkahwinan*. Bentong: PTS Publication&Distributoin Sdn. Bhd.

Dato' Dr. Mohd Fadzilah Kamsah dan Dr. Abdullah Hassan ( 2004 ). *Menjalin Hubungan Bahagia*. Bentong. PTS Publications& Distribution Sdn. Bhd.

Dato Syeikh Ghazali Hj. Abd Rahman, Prof. Madya Dr. Siti Zalikhah Md. Nor, Hj Sulaiman Endut *et al* (1997) *Memasuki Gerbang Perkahwinan*, JAKIM, Perpustakaan Negara Malaysia

Dr. Mat Saat Baki, Hj. Nooh B. Gadot, Hj Morshid B. Maarof, Syed Ahmad B. Syed Abdullah, Hajjah Raimah Bt. Kamat, ( 1990 ), *Perkahwinan dan Kekeluargaan dalam Islam, Johor Bahru*, Percetakan Bumi Restu Sdn. Bhd.

Drs. Kasmuri Selamat ( 1995 ). *Kunci Syurga yang Terbuang Pengerbaraan Menuju Denstinasi Perkahwinan*: Kuala Lumpur.

Drs. Sidi Gazaiba ( 1981 ). *Diambang Pintu Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Krejeic, R. V and Morgan ( 1990 ). *Determining Sample Size for Research: Educational and Psychological Measuret* 607 – 610

Mohd Ashraf Bin Che Soh @ Yusuff & Ajmain Safar, ( 2003 ), *Persepsi Iubapa Terhadap Pendidikan Islam Anak-anak: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Senai, Johor*. Laporan Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan UTM.

Mohammad Hatta Shaharom ( 1997 ). *Fasa- fasa Berkeluarga*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka ( 1998 ). Edisi Khas, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khursid Ahmad ( 1996 ). *Kekeluargaan Dalam Islam, Johor*: Penerbit UTM.

J. Kenneth Davidson, Sr. & Nelwyn B. Moore ( 1992 ). *Marriage And Family Change And Continuity*, United States: Wm. C. Brown Publishers.

Irene Goldenberg, Herbert Goldenberg ( 2000 ). *Family Therapy Overview United States: Brooks/ Cole Thomson Learning*, United States: Brown Publishers.

<http://www.kpwkm.gov.my/mal/statistic.shtml/18/8/2004/2030pm>

Mohd Majid Konting ( 1990 ). *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar ( 1990 ). *Penyelidikan Pendidikan Johor*: Penerbit UTM.

Mohd Salleh Abu, Zaidatun Tasir ( 2001 ). *Pengenalan Analisis Data Berkomputer SPSS11.0 For Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Muhammad Hafizuddin Thani ( 2003 ). *Mencari Bakal Suami& Isteru Pilihan*. Kuala Lumpur: Penerbit Seribu Dinar.

Nik Azis Nik Pa ( 2002 ). *Keluarga Berdaya Maju*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.

Sagilah A/P Khishan ( 2003 ). *Gaya Asuhan Iubapa dan Hubungan Dengan Personaliti Pelajar*. Laporan Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan UTM.

Yosree Ikhsan ( 2003 ). *Punca Dan Kesan Perilaku Di luar Negara Di kalangan Penduduk Negeri Johor*. Laporan Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan UTM.